MAHATHIR - PAS 1984
(I)

KUALA LUMPUR, 14 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGARAHKAN PARA PEMIMPIN UMNO +MENJELASKAN PERKARA SEBENAR+ KEPADA RAKYAT BERHUBUNG DENGAN TUDUHAN PAS KONONNYA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO ADALAH KAFIR.

SUMBER-SUMBER BERKATA PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENGELUARKAN ARAHAN ITU DALAM MESYUARAT KHAS DENGAN PARA ANGGOTA PARLIMEN PARTI ITU, SETIAUSAHA-SETIAUSAHA POLITIK, SETIAUSAHA KERJA UMNO NEGERI DAN PARA PEGAWAI-IBUPEJABAT PART1 DI BANGUNAN'UMNQ MALAM TADI .

MESYUARAT ITUDIPANGGIL KHAS BERIKUTAN PEMBATALAN DEBAT UMNO-PAS ATASNASIHAT YANG DI-PERTUAN AGONG DENGAN PERKENAN RAJA-RAJA.

SUMBER ITU BERKATA PERDANA MENTERX MENSIHATKAN PARA PEMIMPIN UMNO MENGADAKAN LEBXH BANYAK PERJUMPAAN DENGAN RAKYAT BAGI MENJELASKAN PENDIRIAN UMNO MENGENAX ISU MENGKAFIR.

INI MEMANDANGKAN PAS TERUS MENGECAP PARA ANGGOTA UMNO SEBAGAI KAFIR DAN MENDAKWA BAHAWA UMNO TAKUT MENGHADAPI PAS DALAM DEBAT YANG SEPATUTNYA BERLANGSUNG 11 NQV LALU.

MENURUT SUMBER ITU, DR. MAHATHIR BERKATA MESYUARAT ITU BAHAWA SUDAH TIBA MASANYA YMNQ MENGAMBI PENDIRIAN TEGAS TERHADAP PAS DAN MEWASPADAI SERANGAN PARTI PEMBANGKANG ITU SEKARANG TERHADAP UMNO.

SUMBER ITU MENYEBUT PERDANA MENTERI SEBAGAI MEMBERITAHU BAHAWA UMNO SELAMA INI BERSIKAP TERLAMPAU BERSOPAN DAN MEMPERTAHANKAN DIRI DARI PAS DAN INI DIANGGAP OLEH PAS SEBAGAI KELEMAHAN UMNO.

SEJAJAR DENGAN MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN RAKYAT, BIRO PENERANGAN UMNO TELAH DIARAH MENGENDALIKAN SEGALA PERSIAPAN KHUSUSNYA BAGI CERAMAH DI PERINGKAT KAMPUNG.

+JIKA PAS MEMPUNYAI +PASUKAN GERAK GEMPUR+ UNTUK BERKEMPEN MENENTANG UMNO, KAMI SEDIA MENENTANG TUDUHAN-TUDUHAN TERHADAP KAMI,+ KATA SATU SUMBER UMNO.

PERTEMUAN HATI-KE-HATI ITU JUGA MEMBINCANGKAN ISU-ISU SEMASA TERMASUK KERTAS PUTIH MENGENAI PELAMPAU AGAMA. -- BERNAMA

1651MST 14 11 84